

## Penggunaan dan Sikap Terhadap Bahasa Ibunda: Satu Penelitian Terhadap Dialek Melayu Sarawak

DAYANG THERIA ATIENZA AWANG MAZLAN & ROSNAH MUSTAFA\*

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak,  
Malaysia

\*Corresponding author: mrosnah@unimas.my

### ABSTRACT

Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang juga bahasa rasmi negara Malaysia. Namun begitu, sepertimana bahasa utama lain di dunia, bahasa Melayu itu juga mempunyai dialek-dialek Melayu tersendiri. Apakah interaksi yang biasanya dilakukan dalam bahasa Melayu standard dan apakah interaksi yang biasanya dilakukan dalam dialek Melayu? Kajian ini memfokus kepada dialek Melayu Sarawak (DMS) dan bertujuan mengkaji penggunaan dan sikap terhadap DMS dalam kalangan penutur natif di sebuah institusi pengajian tinggi awam negara dengan memfokus kepada tiga domain, iaitu domain keluarga, domain pendidikan dan domain persahabatan. Data dikutip menggunakan soal selidik dan seramai 80 orang pelajar sebuah institusi pengajian tinggi terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan walaupun terdapat bahasa lain digunakan, namun kekerapan pemilihan penggunaan DMS adalah sangat tinggi dalam dua domain informal, iaitu domain keluarga dan domain persahabatan. Dalam domain pendidikan pula, bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris menunjukkan kekerapan penggunaan yang lebih tinggi. Walaupun tahap penggunaan adalah berbeza antara ketiga-tiga domain ini, namun dari segi sikap terhadap DMS, majoriti responden kajian juga menzahirkan sikap yang sangat positif terhadap DMS kerana ia disifatkan sebagai cerminan identiti dan jati diri anak Sarawak.

Kata kunci: sikap, sikap bahasa, dialek, Dialek Melayu Sarawak, domain bahasa

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution-NonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

## Use and Attitude Towards Mother Tongue: An Analysis of Sarawak Malay Dialect

### ABSTRACT

Malay is the national and official language of our country. However, like other major languages worldwide, the Malay language also has a variety of Malay dialects. It is worth investigating in which functional domains is standard Malay predominantly utilised, and in which contexts are the Malay dialects more frequently employed. Therefore, This study focuses on the Sarawak Malay Dialect (DMS) and examines the language choice and attitude towards DMS among the native speakers of this dialect at a national public higher education institution. The study focuses on three domains, namely the family domain, the educational domain, and the friendship domain. Data were collected using a self-developed questionnaire and it involved 80 students at a higher education institution in the state of Sarawak. The findings revealed that the frequency of use of DMS is very high in two informal domains, namely the family domain and the friendship domain. In contrast, in the education domain, the Standard Malay and English language show a higher frequency of use. Although the level and frequency of use differ between these three domains, most respondents expressed a positive attitude towards their mother tongue. DMS is acknowledged as the language that reflects their identity as Sarawakians.

Keywords: attitude, language attitude, dialect, Sarawak Malay Dialect, language domain

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution-NonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

## PENGENALAN

Kaum Melayu merupakan kaum yang terbesar di Malaysia, dan bahasa Melayu telah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan sebagai bahasa kebangsaan yang digunakan dalam setiap aktiviti formal dan rasmi, dan merupakan antara medium yang bertindak menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum. Namun begitu, sepertimana bahasa utama lain di dunia, terdapat dialek-dialek Melayu yang digunakan secara meluas oleh penduduk di setiap negeri dalam aktiviti tidak formal. Contohnya terdapat dialek Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Kedah, Sabah dan Sarawak. Penggunaan dialek mengikut pembahagian geografi itu menyerlahkan jati diri masyarakat penuturnya (Mustaffa et al., 2018). Di negeri Kelantan contohnya, penggunaan dialek Kelantan dituturkan oleh bukan sahaja orang Melayu, malah bangsa lain seperti orang Cina, India dan Pathan (Yusoff & Zakaria, 2018). Dialek Melayu Kelantan boleh dianggap sebagai *lingua franca* bagi penduduk negeri ini kerana penggunaannya telah dipersejutui dan difahami bersama (Mis, 2010). *Lingua franca* merupakan bahasa yang difahami oleh kebanyakan penduduk walaupun pada peringkat asasnya sahaja. Dalam konteks negara kita Malaysia, bahasa Melayu standard merupakan bahasa kebangsaan dan juga merupakan salah satu lingua franca antara etnik atau kaum yang menuturkan bahasa ibunda yang berbeza.

Dari segi kajian sikap terhadap sesuatu bahasa, dialek Melayu melambangkan identiti sesuatu kaum, sementara bahasa Melayu standard melambangkan identiti nasional sebagai warganegara Malaysia. Dalam hal sedemikian, Hassan (2009) berpendapat bahawa bahasa berfungsi sebagai alat berkomunikasi untuk melambangkan bangsa. Umpamanya, “orang Melayu berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu”. Eckert dan McConnell-Ginet (1999) pula menekankan bahawa himpunan (repertoire) bahasa menjadi asas pembinaan dan pengekalan identiti apabila menjadi “a repertoire of shared practices.” Namun demikian, jika diteliti senario kebahasaan di negeri Sabah, contohnya, bahasa Melayu Sabah ialah *lingua franca* di Sabah, dan tidak merujuk kepada identiti ‘Melayu’ sahaja kerana ia digunakan oleh penutur dari 50 etnik dan suku kaum (Wong, 2012). Bahasa etnik di Sabah termasuklah Bajau, Binadan, Bonggi, Bugis, Ida'an, Inokang, Iranun, KadazanDusun, Kagayan, Kimaragang, Kokos, Kwijau, Lotud, Lundayah, Minokok, Murut, Orang Sungai, Paitan, Rumanau, Rungus, Sonsogon, Suluk, Tagaas, Tatana, Tidung, dan Ubian (Sabah State Government, n.d.). Sarawak juga mempunyai kepelbagaiannya etnik. Sarawak mempunyai 27 kumpulan etnik termasuk Iban, Cina, Melayu, Bidayuh, Melanau, Kayan, Kenyah, Lun Bawang, Penan, Kelabit, Kedayan, Bisaya, Berawan, Lahanan, Sekapan, Kejaman, Punan, Baketan, Ukit, Sihan, Tagal, Tabun, Saban, Lisum, dan Longkiput. Daripada kerencaman bahasa ini, timbul persoalan, apakah status terkini penggunaan dialek Melayu Sarawak (DMS) serta bahasa Melayu standard di Sarawak?

Beberapa kajian lepas mengenai DMS dan masyarakat Melayu Sarawak telah dilakukan oleh pengkaji seperti Mis (2010). Kajian beliau yang bertajuk ‘Lingua franca di Sarawak: Aplikasi teori pilhan bahasa’ membuat penelitian terhadap pola pemilihan lingua franca di negeri Sarawak dengan menggunakan teori domain Fishman (1991). Kajian beliau melibatkan 400 orang responden berbangsa Melayu, Iban, Melanau dan Cina di bahagian Sarikei, Sarawak. Pengkaji mendapati bahawa terdapat enam pola penggunaan bahasa yang digunakan iaitu pola Bahasa Iban, DMS, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu dan Iban dan bahasa rojak Melayu dan Melanau. Pola pilihan bahasa yang utama adalah polah pilihan bahasa Iban dan DMS. Perkara ini disebabkan faktor kerana jumlah penduduk etnik Iban dan Melayu yang tinggi di kawasan kajian.

Manakala kajian Subet et al. (2011) pula meneliti kelainan dari segi semantik DMS . Kajian Salbia Haasan juga memfokus kepada aspek linguistik, yakni kata ganda semu dalam DMS (2012), sistem vokal dialek variasi Melayu Kabong (Hassan, 2015) manakala Deli, et al. (2014) pula mengkaji tahap pengetahuan antara generasi muda dan golongan lebih berumur di negeri Sarawak terhadap 50 patah perkataan lazim dan dianggap lama dalam DMS. Dapatkan kajian jelas menunjukkan bahawa penutur natif yang lebih muda kurang mengetahui perkataan-perkataan lama yang diberikan dalam senarai. Begitu juga dengan kajian Sihat et al. (2024) yang meneliti tahap penguasaan kosa kata dialek Melayu tradisional Sarawak dalam kalangan pelajar di Universiti Teknologi Sarawak dan menganalisis faktor yang menyebabkan kurang kefahaman generasi muda terhadap perkataan dalam dialek dialek Melayu Sarawak Tradisional (DMST). Kajian melibatkan 50 orang remaja dengan menggunakan kaedah soalselidik dan pemerhatian. Pengkaji merumuskan bahawa terdapat DMST yang tidak difahami dan digunakan oleh remaja kerana faktor kurang pendedahan dan penggantian perkataan-perkataan lama ini dengan kosa kata yang baharu. Mustafa dan Yusuf (2023) pula meneroka makna dalam penggunaan bahan-bahan dalam upacara ancam di perkampungan Melayu di Sri Aman, Sarawak. Pengkaji mendapati bahawa amalan tradisional masih dilakukan namun arus kemodenan telah membawa banyak perubahan kepada cara hidup masyarakat.

Jelas bahawa fokus kajian-kajian lepas lebih tertumpu kepada penelitian linguistik dan budaya Melayu Sarawak. Oleh itu, makalah ini bertujuan meneliti sikap penutur natif DMS yang juga merupakan pelajar institusi

pengajian tinggi terhadap DMS dalam domain keluarga, domain pendidikan dan domain persahabatan. Secara khusus, persoalan-persoalan berikut dijawab dalam makalah ini:

1. Apakah bahasa utama yang digunakan oleh pelajar penutur natif DMS untuk berkomunikasi mengikut domain keluarga, pendidikan dan persahabatan?
2. Apakah faktor yang mendorong mereka untuk memilih dan menggunakan DMS secara maksimum dalam domain tertentu?
3. Apakah faktor yang mendorong mereka untuk tidak memilih untuk menggunakan DMS secara maksimum dalam domain tertentu?
4. Apakah sikap pelajar penutur natif DMS terhadap DMS?

## METODOLOGI

Kajian berbentuk deskriptif ini meneliti penggunaan dan sikap terhadap bahasa ibunda dalam tiga domain oleh Fishman (1972), iaitu domain keluarga, persahabatan dan pendidikan. Domain-domain ini dipilih kerana ia merupakan domain paling relevan kepada pelajar yang sering bergaul dengan ahli keluarga, kawan dan pensyarah di universiti.

Seramai 80 orang responden yang terdiri daripada 56 orang pelajar perempuan dan 24 orang pelajar lelaki terlibat dalam kajian ini. Responden ini terdiri daripada 65 orang berbangsa Melayu dan berasal dari negeri Sarawak, diikuti dengan lapan orang berbangsa Melayu-Iban, enam orang berbangsa Melayu-Melanau, dan seorang berbangsa Melayu-Cina (iaitu mempunyai ibu ataupun bapa berbangsa Melayu). Pemilihan responden telah dibuat menggunakan teknik persampelan bertujuan dan hanya melibatkan pelajar berbangsa Melayu Sarawak (termasuk campuran Melayu) di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), berumur dalam lingkungan 19 tahun hingga 25 tahun dan merupakan penutur asli DMS.

Data dikutip menggunakan kaedah soal selidik dalam talian yang telah dibina sendiri oleh pengkaji dengan menetapkan tiga domain Fishman iaitu persahabatan, pendidikan dan keluarga. Menurut Konting (2004), soal selidik merupakan satu alat pengukuran yang digunakan dalam bidang penyelidikan pendidikan dan ia digunakan untuk mendapatkan data atau maklumat yang merangkumi kepercayaan, fakta, perasaan dan sebagainya. Instrumen yang dibina dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu (1) maklumat peribadi responden (demografi), (2) latar belakang bahasa, (3) penggunaan atau pemilihan bahasa mengikut domain, (4) faktor yang mempengaruhi penggunaan, pemilihan atau penolakan bahasa mengikut domain. Untuk bahagian 4, instrumen dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pertama, faktor yang mempengaruhi pemilihan DMS, dan kedua, faktor yang mempengaruhi penolakan pemilihan DMS. Bagi setiap item dalam bahagian C dan D, pengkaji menggunakan skala pemeringkatan Likert yang mengandungi lima nilai skor bagi mengukur sikap responden terhadap DMS. Untuk Bahagian E, 5 orang responden diminta untuk memberi maklum balas sikap terhadap DMS menggunakan skala 1 sehingga 5 (1 Sangat Tidak Suka dan Bangga dan 5 Sangat Suka dan Bangga), dan satu soalan terbuka yang memberi ruang untuk responden memberi persepsi atau pendapat perihal perasaan mereka terhadap DMS.

Untuk tujuan proses analisis, *google form* telah dimuat naik ke dalam Microsoft excel bagi mengekstrak maklumat bahagian A dan B, iaitu data demografi, latar belakang bahasa, dan seterusnya mengira bilangan peratusan tahap persetujuan responden untuk setiap item dalam bahagian C dan D. Bahagian E (tahap kebanggaan terhadap DMS) juga menggunakan pengiraan dalam bentuk *excel sheet*.


## Etika Penyelidikan

Sesuatu etika termasuklah dalam menjalankan kajian amat dititikberatkan. Bagi kajian ini, pengkaji telah memastikan bahawa tajuk kajian, identiti pengkaji, diikuti dengan tujuan, beserta kerahsiaan identiti informan telah dijelaskan pada bahagian awal *Google Form* yang diedarkan. Ini bagi memastikan informan faham keperluan kajian dan tiada nama atau informasi identiti informan akan dirahsiakan dan data hanya digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

## DAPATAN KAJIAN

### Bahasa Paling Dominan dalam Kalangan Pelajar Penutur Asli DMS

Rajah 1 menunjukkan kekerapan penggunaan DMS dalam kalangan responden. Peratusan penggunaan DMS didapati sangat tinggi (83.8%), diikuti dengan bahasa Melayu standard (38.8%), bahasa Inggeris (31.3%), bahasa Melanau (16.2%), bahasa Iban (11.3%) dan bahasa Bidayuh (3.8%) serta bahasa Cina (1.2%).



Rajah 1. Bahasa paling dominan digunakan oleh responden

Menariknya, bahasa Melayu standard juga menunjukkan peratusan penggunaan untuk berkomunikasi yang agak tinggi. Perkara ini mungkin berlaku kerana bahasa Melayu standard ialah bahasa kebangsaan dan jati diri rakyat Malaysia terserah dalam garapan penggunaannya walaupun pelajar berasal dan berada di Bumi Kenyalang. Selain itu, pengaruh media dan pemilihan bahasa mutual dalam kalangan rakan-rakan bukan Melayu juga menjadi antara sebab bahasa Melayu standard digunakan dengan agak meluas. Selain bahasa Melayu standard, bahasa Inggeris juga sering digunakan, besar kemungkinan oleh faktor perkahwinan campur, latar belakang pendidikan mahupun pengaruh rakan sebaya, dan media sosial. Dalam era yang rancak dengan perkembangan dunia tanpa sempadan, kepentingan bahasa Inggeris memang tidak boleh dinafikan (Omar, 1992). Namun begitu, analisis data mencerminkan bahawa dalam kalangan pelajar yang merupakan penutur natif DMS, bahasa ibunda mereka sangat tinggi penggunaannya. Tidak terkecuali, bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris juga menunjukkan penggunaan yang agak tinggi.

### Penggunaan Bahasa dalam Domain Keluarga oleh Penutur Asli DMS

Jadual 1 memaparkan pemilihan bahasa responden dalam domain keluarga. Dapatkan menunjukkan bahawa DMS merupakan bahasa yang paling dominan dalam interaksi bersama ahli keluarga dan ini diikuti oleh penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain.

Jadual 1. Penggunaan bahasa dalam domain keluarga (N=80)

| Keluarga      | Dialek Melayu Sarawak (%) | Bahasa Iban (%) | Bahasa Bidayuh (%) | Bahasa Melanau (%) | Bahasa Melayu standard (%) | Bahasa Inggeris (%) | Lain-lain (%) |
|---------------|---------------------------|-----------------|--------------------|--------------------|----------------------------|---------------------|---------------|
| Bapa          | 90.9                      | 16.3            | 1.3                | 8.8                | 11.3                       | 22.5                | 1.3           |
| Ibu           | 90.4                      | 16.3            | 5                  | 13.8               | 15                         | 13.8                | 2.5           |
| Adik- beradik | 90                        | 12              | 4                  | 12                 | 14.7                       | 26                  | 2             |

Berdasarkan Jadual 1, penggunaan bahasa Inggeris yang agak tinggi dalam kalangan responden dalam komunikasi domain ini juga merupakan satu fenomena yang menarik. Kecenderungan untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris bukan sahaja menunjukkan keyakinan anak muda menggunakan bahasa tersebut, namun ia juga menyerlahkan sikap keterbukaan, penerimaan dan pengetahuan responden dalam bahasa Inggeris. Menariknya, perincian dapatan menunjukkan terdapat perbezaan dari segi peratusan pemilihan bahasa oleh responden dengan ayah dan ibu. 22.5% responden memilih untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan ayah dan diikuti dengan 13.8% dengan ibu (Jadual 1). Dapatan ini selari dengan Holmes (2001) yang menyatakan bahawa wanita biasanya menggunakan ujaran yang lebih standard berbanding dengan lelaki. Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa walaupun penggunaan bahasa Inggeris agak tinggi penggunaannya (26%) dengan adik beradik, tetapi penggunaan DMS tetap menjadi pilihan utama responden dalam interaksi (90%).

### Penggunaan Bahasa dalam Domain Persahabatan oleh Penutur Asli DMS

Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian mengenai penggunaan bahasa dalam domain persahabatan responden Melayu Sarawak di universiti. Penggunaan DMS bersama-sama rakan yang berbangsa Melayu Sarawak menunjukkan data yang dalam jangkaan dan menunjukkan persetujuan tertinggi, iaitu 92.5%. Jelas apabila bersama dengan rakan-rakan sebangsa, responden lebih selesa menggunakan bahasa ibunda. Selain itu, DMS yang juga merupakan bahasa yang ditutur dan difahami oleh kaum lain di Sarawak juga digunakan dengan peratusan yang tinggi melebihi 65% dengan rakan-rakan berbangsa Iban, Bidayuh dan Melanau, mengukuhkan kedudukan DMS sebagai *lingua franca* dalam kalangan etnik-etnik di Sarawak.

Jadual 2. Penggunaan bahasa dalam domain persahabatan (N=80)

| Bangsa kawan | Dialek Melayu Sarawak (%) | Bahasa Iban (%) | Bahasa Bidayuh (%) | Bahasa Melanau (%) | Bahasa Melayu standard (%) | Bahasa Inggeris (%) | Lain-lain (%) |
|--------------|---------------------------|-----------------|--------------------|--------------------|----------------------------|---------------------|---------------|
| Melayu       | 92.5                      | 6.3             | 0                  | 5                  | 33.8                       | 15                  | 1.3           |
| Iban         | 75.9                      | 26.6            | 1.3                | 0                  | 32.9                       | 20.3                | 0             |
| Bidayuh      | 72.2                      | 6.3             | 6.3                | 0                  | 32.9                       | 20.3                | 0             |
| India        | 10                        | 0               | 0                  | 0                  | 75                         | 52.5                | 0             |
| Cina         | 7.5                       | 0               | 0                  | 0                  | 75                         | 58.8                | 0             |
| Melanau      | 66.3                      | 2.5             | 6                  | 13.8               | 45                         | 16.3                | 0             |

Jadual 2 menunjukkan bahawa responden menggunakan DMS pada kekerapan yang lebih tinggi daripada bahasa Melayu standard apabila mereka bertutur dengan kawan dari bangsa Melayu, Iban, Bidayuh, dan Melanau. Namun demikian, mereka lebih banyak menggunakan bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris dengan kawan berbangsa Cina dan India.

Walaupun secara amnya bahasa Inggeris banyak digunakan di Sarawak, dapatan kajian ini mendapati pemilihan penggunaannya bergantung kepada rakan penutur. Data menunjukkan bahasa Inggeris kurang digunakan oleh responden apabila mereka berkomunikasi dengan rakan Melayu dan Melanau berbanding dengan rakan-rakan dari bangsa Cina dan India. Hal ini mungkin disebabkan penggunaan DMS sudah memadai dan menjadi amalan biasa dalam komuniti Melayu dan bumiputra di negeri Sarawak. Pemilihan penggunaan bahasa Iban juga mendapat respon sebanyak 26.6% daripada 80 orang responden dan perkara ini juga mencerminkan kebolehan sesetengah anak tempatan untuk menguasai bahasa komuniti terbesar di negeri Sarawak.

Secara keseluruhannya, dalam domain persahabatan, responden dalam kajian ini mempunyai kecenderungan yang tinggi menggunakan bahasa ibunda dengan rakan-rakan anak tempatan Sarawak, dan kecenderungan mereka beralih kepada penggunaan bahasa Inggeris apabila berkomunikasi dengan rakan-rakan yang berbangsa Cina dan India. Dalam hal ini, responden bijak memilih menggunakan bahasa kedua yang jelas memanfaatkan kedua-dua pihak. Selain bahasa ibunda dan bahasa Inggeris, responden juga berupaya berinteraksi dengan rakan sebangsa dan lain dengan menggunakan bahasa Melayu standard dan sebahagian dari mereka boleh menguasai bahasa Iban, yang merupakan bahasa ibunda etnik terbesar di negeri Sarawak.

## Penggunaan Bahasa dalam Domain Pendidikan di Universiti oleh Penutur Asli DMS

Jadual 3 menunjukkan penggunaan bahasa dalam domain pendidikan responden di universiti. Bahagian ini memfokus kepada pemilihan bahasa yang melibatkan komunikasi antara pelajar dengan pensyarah. Sepertimana untuk domain persahabatan, bahagian ini memfokus kepada enam kumpulan etnik yang utama dalam kalangan pensyarah, iaitu Melayu, Iban, Bidayuh, India, Cina dan Melanau.

Jadual 3. Penggunaan bahasa dalam domain pendidikan (N=80)

| Bangsa pensyarah | Dialek Melayu Sarawak (%) | Bahasa Iban (%) | Bahasa Bidayuh (%) | Bahasa Melanau (%) | Bahasa Melayu standard (%) | Bahasa Inggeris (%) | Lain-lain (%) |
|------------------|---------------------------|-----------------|--------------------|--------------------|----------------------------|---------------------|---------------|
| Melayu           | 62.5                      | 1.3             | 0                  | 0                  | 67.5                       | 40                  | 0             |
| Iban             | 42.5                      | 15              | 0                  | 0                  | 52.5                       | 43.8                | 0             |
| Bidayuh          | 44.3                      | 2.5             | 5.1                | 0                  | 58.2                       | 43                  | 0             |
| India            | 3.8                       | 0               | 0                  | 0                  | 69.2                       | 64.1                | 0             |
| Cina             | 3.8                       | 0               | 0                  | 0                  | 61.3                       | 72.5                | 1.3           |
| Melanau          | 51.3                      | 3.8             | 0                  | 11.5               | 47.4                       | 43.6                | 0             |

Jadual 3 menunjukkan kecenderungan responden untuk memilih dan menggunakan bahasa Melayu standard apabila berkomunikasi dengan pensyarah berbilang bangsa, dengan peratusan yang tinggi, iaitu antara 47%-69%. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terserlah dan disokong oleh sistem pendidikan dalam negara, termasuklah insitusi pengajian tinggi awam yang memungkinkan penggunaan bahasa Melayu standard secara maksimum, sama ada melibatkan komunikasi antara sesama Melayu mahupun bangsa lain. Komunikasi dua hala ini jelas menunjukkan jati diri anak bangsa, sama ada dari pihak pelajar mahupun pensyarah. Persoalan sama ada kebanyakan pensyarah adalah daripada bangsa Melayu adalah kurang relevan kerana pelajar secara lazimnya tidak bertutur dengan pensyarah Melayu dalam dialek Melayu.

Seterusnya, penggunaan bahasa Inggeris juga menunjukkan peratusan yang tinggi, iaitu sebanyak 40%-72%. Penggunaan bahasa Inggeris jelas mencapai tahap melebihi 50% kekerapannya terutama dengan pensyarah yang berbangsa Cina (72%), dan pensyarah berbangsa India (64%). Hal ini tidak menghairankan kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa alternatif kepada bahasa Melayu Standard dalam komunikasi yang biasanya digunakan dengan kaum lain, terutamanya kaum India dan Cina.

Dalam situasi formal ini, responden jelas lebih cenderung memilih bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris yang merupakan bahasa rasmi dan bahasa kedua. Kepentingan dan kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua juga terserlah, dengan gandingan penggunaan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris yang secara amnya tinggi dan memberangsangkan dalam situasi komunikasi formal di universiti dengan pensyarah. Keupayaan pelajar untuk menggunakan bahasa Inggeris yang merupakan bahasa terpenting di dunia adalah sesuatu yang membanggakan. Tidak dapat dinafikan apabila pelajar boleh menguasai ataupun membiasakan diri menggunakan bahasa Inggeris di universiti, maka hal ini secara tidak langsung akan memberi faedah dan membuka peluang-peluang kerjaya yang lebih luas bagi mereka pada masa hadapan.

Walaupun bahasa standard dan bahasa Inggeris menunjukkan penggunaan yang tinggi oleh penutur DMS dalam domain yang lebih formal, namun bahasa ibunda juga menampakkan posisi yang tidak kurang pentingnya. Keberadaan mereka di Bumi Kenyalang juga menjadi faktor penyumbang kepada penggunaan DMS yang tinggi dengan pensyarah, iaitu antara 42%-62%. Walau bagaimanapun, DMS nyata sangat rendah penggunaannya apabila responden berkomunikasi dengan pensyarah berbangsa India dan Cina. DMS merupakan antara dialek tempatan yang digunakan secara meluas oleh majoriti etnik tempatan lain di Sarawak. Hal ini disebabkan oleh faktor pendidikan, sosial, justeru DMS merupakan salah satu lambang dan refleksi jati diri anak Sarawak yang tidak boleh dinafikan. Data juga menunjukkan terdapat sejumlah kecil responden memilih untuk menggunakan bahasa Iban, bahasa Bidayuh dan bahasa Melanau dalam komunikasi dengan pensyarah. Perkara ini mungkin didorong oleh faktor geografi kampung halaman, pendidikan dan juga perkahwinan campur yang memungkinkan penguasaan beberapa bahasa atau berlakunya multilingualism. Pemilihan bahasa etnik terjadi kerana pelajar tidak dapat membezakan antara situasi formal dengan tidak formal.

## Faktor Pemilihan DMS Secara Maksimum untuk Berkommunikasi

Bagi mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh untuk pemilihan atau penolakan penggunaan DMS dalam kajian ini, pengkaji membahagikan bahagian D dalam soal selidik kepada dua bahagian, iaitu faktor pemilihan dan faktor penolakan penggunaan bahasa natif DMS. Dapatkan bagi bahagian 1 (faktor memilih) dibincangkan dengan merujuk kepada Jadual 4 dan untuk bahagian B (faktor tidak memilih) boleh dirujuk pada Jadual 5.

Jadual 4. Faktor memilih DMS secara maksimum untuk berkommunikasi (N=80)

| Bil. |   | Tidak setuju (%) | Tidak pasti (%) | Setuju (%) |
|------|---|------------------|-----------------|------------|
| 1.   | Dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang digunakan dalam pertuturan harian.  | 0                | 0               | 100        |
| 2.   | Saya selesa berkomunikasi dalam Dialek Melayu Sarawak.  | 0                | 0               | 100        |
| 3.   | Kedua ibubapa dan ahli keluarga saya bertutur dalam Dialek Melayu Sarawak.  | 9.7              | 4.8             | 85.5       |
| 4.   | Dialek Melayu Sarawak mempunyai banyak persamaan dengan Bahasa Melayu.  | 17.7             | 24.2            | 58         |
| 5.   | Dialek Melayu Sarawak mudah difahami.   | 4.8              | 3.2             | 92         |
| 6.   | Saya sering berada dalam persekitaran di mana Dialek Melayu Sarawak digunakan untuk berkomunikasi.  | 1.6              | 4.8             | 93.5       |
| 7.   | Ketika dalam situasi formal saya lebih mudah untuk berkomunikasi dalam Dialek Melayu Sarawak.   | 50               | 21              | 29.1       |
| 8.   | Ketika di situasi tidak formal saya lebih mudah untuk berkomunikasi dalam Dialek Melayu Sarawak.  | 3.2              | 4.8             | 95.9       |
| 9.   | Saya percaya komunikasi saya lebih berkesan jika saya berkomunikasi dalam Dialek Melayu Sarawak.  | 9.7              | 16.1            | 74.2       |
| 10.  | Saya kurang fasih untuk bertutur dalam bahasa lain.   | 42.0             | 22.6            | 35.5       |
| 11.  | Saya menggunakan Dialek Melayu Sarawak ketika berkomunikasi menggunakan media sosial ( <i>Facebook, Twitter, Instagram, WhatsApp</i> dan sebagainya.) | 14.5             | 19.4            | 66.1       |

Nota: Respons Sangat tidak setuju dan Tidak setuju digabungkan dan respons Sangat setuju dan Setuju digabungkan

Jadual 4 menunjukkan pemilihan DMS didorong oleh faktor keselesaan berbahasa ibunda itu sendiri, termasuk faktor persekitaran, kekeluargaan, keperluan dan kebiasaan penggunaan DMS di universiti mahupun di rumah. Data menunjukkan pemilihan penggunaan DMS oleh penutur natif generasi muda di Bumi Kenyalang adalah sangat tinggi. Keberadaan responden di negeri kelahiran dan lokasi UNIMAS itu sendiri, dengan jumlah pelajar lokal lebih 50%, semestinya menjadi pemangkin kepada faktor yang mempengaruhi responden untuk memilih DMS.

Data kajian juga menunjukkan segelintir responden (10%) yang tidak menggunakan DMS dalam domain keluarga. Dalam senario kebahasaan lewat era globalisasi, taraf ekonomi dan pendidikan, ditambah kesedaran yang tinggi perihal pentingnya penguasaan bahasa kedua atau ketiga, ramai ibu bapa memilih untuk mempraktikkan percampuran kod di rumah. Dalam hal ini, keluarga penutur DMS tidak terkecuali. Penggunaan DMS dan percampuran kod, contohnya menggunakan bahasa Inggeris di rumah bukanlah suatu fenomena yang baharu. Walau bagaimanapun, responden bijak memilih opsyen bahasa yang lebih sesuai mengikut keadaan. Keadaan ini boleh dilihat berdasarkan respon terhadap item ketujuh dalam soal selidik, "Ketika dalam situasi formal saya lebih mudah untuk berkomunikasi dalam DMS" yang menunjukkan bahawa sebanyak 30.6% responden tidak setuju. Berdasarkan keadaan ini, pemilihan bahasa Melayu standard atau bahasa Inggeris sememangnya lebih sesuai digunakan dalam konteks formal.

DMS turut memainkan peranan penting dalam media sosial. Sebanyak 66% responden bersetuju bahawa bahasa ibunda mereka juga digunakan untuk tujuan komunikasi dalam talian. Faktor keselesaan, kebiasaan dan

*circle of friends* memainkan peranan dan mampu mempengaruhi penggunaan bahasa ketika berkomunikasi dalam media sosial, justeru menjelaskan fenomena yang menarik ini.

### Faktor tidak memilih DMS Secara Maksimum untuk Berkomunikasi

Jadual 5 menunjukkan beberapa alasan DMS tidak dipilih oleh responden sebagai bahasa paling utama dalam komunikasi.

Jadual 5. Faktor tidak memilih secara maksimum penggunaan DMS untuk berkomunikasi

| Bil |   | Tidak setuju (%) | Tidak pasti (%) | Setuju (%) |
|-----|---|------------------|-----------------|------------|
| 1.  | Saya kurang fasih berkomunikasi menggunakan Dialek Melayu Sarawak.  | 14.5             | 6.5             | 8.1        |
| 2.  | Ibu bapa saya tidak bertutur Dialek Melayu Sarawak dengan saya.   | 21               | 1.6             | 6.4        |
| 3.  | Saya tidak bertutur dalam Dialek Melayu Sarawak dalam situasi formal.   | 9.6              | 4.8             | 9.7        |
| 4.  | Saya selesa menggunakan Bahasa Melayu Standard dan Bahasa Inggeris dalam situasi formal.  | 1.6              | 0               | 27.5       |
| 5.  | Saya selesa menggunakan Bahasa Melayu Standard dan Bahasa Inggeris dalam situasi tidak formal.  | 12.9             | 6.5             | 9.6        |
| 6.  | Saya bertutur Dialek Melayu Sarawak dengan orang Melayu Sarawak sahaja.   | 3.2              | 1.6             | 24         |
| 7.  | Saya bertutur dalam Bahasa Melayu Standard dan Bahasa Inggeris dengan orang Melayu Sarawak.   | 14.6             | 6.5             | 8          |
| 8.  | Saya lebih yakin berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu Standard dan Bahasa Inggeris.  | 4.8              | 4.8             | 19.3       |
| 9.  | Saya tidak yakin bertutur menggunakan Dialek Melayu Sarawak.  | 16               | 6.5             | 6.5        |
| 10. | Saya selesa menggunakan Bahasa Melayu Standard dan Bahasa Inggeris ketika berkomunikasi dalam media sosial ( <i>Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp</i> dan sebagainya). | 3.2              | 9.7             | 16.2       |

Pertama, kerana keselesaan menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu standard dalam situasi formal. Kedua, penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu standard juga memungkinkan responden untuk berkomunikasi dengan mereka yang tidak mempunyai kebolehan untuk menggunakan DMS, contohnya rakan-rakan dan pensyarah yang berlainan bangsa. Hal ini diserlahkan dalam item 4, “Saya selesa menggunakan Bahasa Melayu standard dan Bahasa Inggeris dalam situasi formal” dan item 6, “Saya bertutur Dialek Melayu Sarawak dengan orang Melayu Sarawak sahaja”. Ketiga, terdapat penutur natif DMS yang memberi gambaran keyakinan yang tinggi dalam menggunakan bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa ibunda. Hal ini juga menyerlahkan sebab penggunaan bahasa selain DMS agak tinggi dalam ketiga-tiga domain.

Untuk memberi gambaran tahap keyakinan responden dalam menggunakan DMS namun tidak secara maksimum, item kesembilan, “Saya lebih yakin berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris” menunjukkan 19.3% responden bersetuju dengan kenyataan ini. Keadaan ini memberikan satu gambaran yang penting bahawa keyakinan menggunakan bahasa ibunda itu agak kurang dalam diri sesetengah penutur natif. Responden memberi gambaran bahawa mereka mempunyai lebih keyakinan dalam bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa ibunda. Menariknya, responden seolah-olah mempunyai satu persepsi keyakinan terhadap bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris, walau bagaimanapun tidak memberi makna bahawasanya mereka tidak yakin dalam berkomunikasi dalam bahasa ibunda. Keadaan ini

ternyata dalam dapatan item kesepuluh, “Saya tidak yakin bertutur menggunakan Dialek Melayu Sarawak” yang menunjukkan sebanyak 16% responden tidak setuju.

Akhir sekali, “Saya selesa menggunakan bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris ketika berkomunikasi dalam media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Whatsapp* dan sebagainya” mendapat persetujuan sebanyak 16.2% responden. Salah satu kelebihan aplikasi media berkomunikasi di media sosial adalah tidak terhad kepada bahasa Inggeris ataupun bahasa utama di dunia sahaja. Media sosial digunakan oleh pengguna dari pelbagai latar belakang bahasa dan ini termasuklah dialek dan bahasa ibunda.

### Sikap Terhadap DMS

Jadual 6 memaparkan dapatan kajian untuk 10 item berkenaan sikap terhadap DMS. Sembilan daripada sepuluh item mendapat respon yang sangat tinggi persetujuannya. Sikap bahasa ataupun *language attitude* menurut Trudgill (2003) merujuk kepada sikap seseorang manusia terhadap bahasa, dialek, loghat dan penutur bahasa yang lain dan ini mungkin secara positif ataupun negatif. Dapatan kajian ini jelas menampakkan sikap yang sangat positif penutur natif DMS terhadap bahasa ibunda mereka. Namun begitu, terdapat pengecualian kepada item ke-8, iaitu “Saya tidak kisah untuk bertutur DMS sekiranya berhadapan dengan bangsa lain” mendapat respons yang bercampur. 22.6% responden menolak/tidak bersetuju dengan pernyataan ini, manakala 30.5% responden memilih opsyen Tidak Pasti, sementara 38.7% responden bersetuju.

Jadual 6: Sikap terhadap Dialek Melayu Sarawak (N=80)

| Bil |  | Tidak suka (%) | Neutral (%) | Suka (%) |
|-----|--|----------------|-------------|----------|
| 1.  | Saya bangga mendengar pertuturan Dialek Melayu Sarawak.  | 3.2            | 8           | 69.3     |
| 2.  | Dialek Melayu Sarawak harus di ajar di peringkat universiti di Malaysia.   | 1.6            | 32.1        | 56.4     |
| 3.  | Saya suka bertutur dan berkomunikasi dalam Dialek Melayu Sarawak dengan semua orang di sekeliling.   | 8.1            | 16.1        | 58       |
| 4.  | Dialek Melayu Sarawak mudah dipelajari.  | 4.8            | 8           | 68.5     |
| 5.  | Dialek Melayu Sarawak mudah difahami.  | 6.4            | 11.3        | 62.9     |
| 6.  | Mempelajari Dialek Melayu Sarawak dapat meningkatkan pengetahuan dalam kebudayaan dan bangsa Melayu Sarawak.   | 3.2            | 4.8         | 64.4     |
| 7.  | Mempelajari untuk memahami Dialek Melayu Sarawak sangat bernilai.  | 4.8            | 4.8         | 67.6     |
| 8.  | Saya tidak kisah untuk bertutur Dialek Melayu Sarawak sekiranya berhadapan dengan bangsa lain.   | 22.6           | 30.5        | 38.7     |
| 9.  | Dialek Melayu Sarawak mempunyai kepelbagai subdialek yang sangat indah bunyinya.   | 3.2            | 4.8         | 62.8     |
| 10. | Sekiranya saya ada anak pada masa akan yang datang, saya ingin mereka menjadi seseorang yang bertutur dalam dialek Melayu Sarawak selain daripada bahasa yang lain yang mereka tahu. | 1.6            | 16.2        | 64.6     |

Nota: Respons Sangat Tidak Suka dan Bangga digabungkan dan response Sangat Suka dan Bangga digabungkan.

Walaupun secara amnya dapatan menunjukkan sikap positif atau bangga penutur natif DMS, namun bagi 22.6% responden, mereka memikirkan penutur bangsa lain. Dalam komunikasi berkesan, terdapat dua komponen yang penting, iaitu penutur dan pendengar. Maka dalam hal ini, responden bijak menentukan pilihan bahasa yang paling sesuai, tanpa meminggirkan siapa pendengar atau penerima mesej. 38.7% responden pula tetap memilih untuk menggunakan DMS, berkemungkinan disebabkan faktor keberadaan di negeri Sarawak dan penggunaan bahasa lokal itu boleh membantu untuk meningkatkan kebolehan bertutur dalam DMS dalam kalangan bangsa lain. Jika dilihat dari teori pemerolehan bahasa, pengulangan dan pengukuhan memainkan peranan yang sangat

penting. Sepertimana seorang anak kecil memperoleh bahasa dengan mendengar dan mengulang kata dan bahasa yang diperoleh daripada orang dewasa.

Responden dalam kajian juga diminta untuk memberi skala berserta pandangan atau persepsi terhadap DMS. Merujuk Jadual 7, ada kalangan responden Melayu Sarawak menganggap DMS adalah penting untuk menunjukkan identiti mereka sebagai Melayu Sarawak. Walaupun bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mempunyai kepentingannya tersendiri, namun kajian ini menunjukkan bahawa dalam ketiga-tiga domain yang difokuskan, DMS masih dilestarikan penggunaannya dan dianggap sebagai bahasa ibunda yang menyerlahkan jati diri Melayu Sarawak.

Jadual 7. Persepsi atau pendapat terhadap DMS

| Responden (R) | Pendapat/persepsi  |
|---------------|--|
| R5            | “ya skala 9, DMS boleh memudahkan komunikasi saya dengan orang lain kerana DMS digunakan dalam kehidupan seharian”   |
| R8            | “skala 9, kerana saya penutur asal dan menggunakan DMS sangat selesa bagi saya”,                                     |
| R17           | “10, kerana Melayu Sarawak merupakan bahasa ibunda saya.”  |
| R32           | “Saya bangga menggunakan DMS. Skala 8 kerana bahasa lain juga penting dalam kehidupan seharian.”                     |
| R63           | “9 kerana menggunakan DMS sangat selesa bagi saya”   |
| R70           | “8 kerana saya suka menggunakan DMS”   |
| R75           | “Pada skala 8. Ya, saya bangga menggunakan DMS kerana banyak mendapat pengaruh dialek tersebut di persekitaran saya” |

Holmes (2001) menegaskan bahawa kekerapan penggunaan bahasa dapat membantu dalam memastikan pengekalan dan pelestarian sesuatu bahasa. Dapatkan ini selari dengan kajian Ardi (2005) yang mengkaji sikap dan pemilihan bahasa di selatan Thailand, iaitu majoriti komuniti Melayu di selatan Thailand mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Melayu dan mereka lebih memilih bahasa Melayu untuk komunikasi harian mereka. Dapatkan kajian tersebut juga menunjukkan, terdapat faktor yang mempengaruhi masyarakat Melayu, yang telah membawa kesan yang positif terhadap penggunaan bahasa Melayu di selatan Thailand. Selain itu, kajian Ghazali (2005) yang bertajuk *Domains of Language Use and Attitudes*: Mah Meri mendapati bahawa walaupun pilihan untuk menggunakan bahasa Mah Meri adalah terhad, tetapi masyarakat Mah Meri masih mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Mah Meri.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini jelas menunjukkan bahawa DMS digunakan secara meluas oleh penutur natif yang juga merupakan pelajar universiti di negeri Sarawak dalam dua antara tiga domain yang menjadi fokus kajian, iaitu domain keluarga dan domain persahabatan. Dalam domain pendidikan pula, responden lebih menggunakan bahasa Melayu standard ataupun bahasa Inggeris kerana kesesuaian kedua-dua bahasa tersebut untuk tujuan yang lebih formal. Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Inggeris juga merupakan bahasa kedua yang tidak kurang pentingnya. Maka dalam kajian ini, pengkaji mendapati responden yang secara keseluruhannya banyak menggunakan DMS bijak beralih menggunakan bahasa Inggeris apabila berkomunikasi terutamanya dengan pensyarahan yang berbangsa Cina dan India.

Kajian juga menunjukkan bahawa terdapat segelintir penutur natif yang lebih cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris. Fishman et al (dalam Mohd Yasin, 1998) mendapati bahawa golongan remaja mempunyai kecenderungan untuk menggunakan bahasa-bahasa yang ‘berstatus tinggi’ daripada bahasa etnik mereka sendiri. Perkara ini mungkin disebabkan oleh faktor penggunaan bahasa ini dalam keluarga, faktor pendidikan dan status sosioekonomi keluarga. Walau bagaimanapun, jika diteliti dapatkan kajian secara amnya, majoriti responden dalam kajian mempunyai sikap yang positif dan menunjukkan kebanggaan dan kesetiaan terhadap DMS, namun pada masa yang sama mengakui kepentingan dan mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris. Pada waktu yang sama juga, dalam senario kebahasaan di negeri Sarawak

yang jelas mempunyai banyak kaum etnik, pengetahuan variasi bahasa seperti bahasa Iban, Bidayuh atau Melanau juga memungkinkan percampuran kod.

Kajian yang menunjukkan kepentingan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai salah satu *lingua franca* dunia sememangnya tidak dapat disangkal. Bahasa Inggeris kini dilihat lebih berperanan dan mendominasi rakyat Malaysia sebagai *lingua franca* dalam perhubungan atau komunikasi antara masyarakat tempatan dan komunikasi luar. Kajian lanjut perlu dijalankan secara berkala untuk meneliti sejauh mana isu ini benar pada masa hadapan dan seiring itu menilai kedudukan bahasa ibunda penutur pelbagai kaum dalam negara ini yang sangat rencam.

## RUJUKAN

- Ardi, N (2005). *Sikap terhadap bahasa Melayu dan penggunaannya dalam kalangan pelajar universiti di Selatan Thailand* [Tesis Ph.D, Universiti Malaya].
- Deli, R.M., Mustafa, R. & Sarbini, M. (2014). Word familiarity in Sarawak Malay dialect: Assessing vocabulary of the young. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 2(1), 45-51.
- Eckert, P., & McConnell-Ginet, S. (1999). New generalisations and explanations in language and gender research. *Language in Society*, 28(2), 185-201. <https://doi.org/10.1017/S0047404599002031>
- Fishman, J. A. (1972). *Language in sociocultural change* (Vol. 6). Stanford University Press.
- Fishman, J.A. (1991). Sosiologi Bahasa. (terj.). Alias Mohammad Yatim. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ghazali, K. (2005). Domains of language use and attitudes: Mah Meri. In C. E. Luzares (Ed,), *Linguistics and Language Education in the Philippines and Beyond* (pp. 573-591). Linguistic Society of the Philippines.
- Hassan, S. (2012). Kata Ganda Semu dalam Dialek Melayu Sarawak (DMS). *Issues in Language Studies*, 1(1), 22-28.
- Hassan, A. (2009). Bahasa Melayu di persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Kemanusiaan*, 16, 59–81.
- Hassan, S. (2015). Sistem vokal Dialek Melayu Kabong, Sarawak. *Jurnal Bahasa*, 15, 78-112.
- Holmes, J. (2001). *An introduction to sociolinguistics* (2nd Ed.). Longman.
- Konting M. M. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mis, M. A. (2010). Lingua franca di Sarawak: Aplikasi teori pilihan bahasa. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 10(2), 97-116.
- Mustaffa, S., Raja Ariffin, R., Abdul Aziz, A., & Yusop, M. (2018). Pelestarian dialek Kelantan di Besut dan kaitannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Bahasa*, 17(1), 145-173.
- Mustafa, R. & Yusuf, A.H. (2023). *Ancak di Sarawak: Satu interpretasi Makna*. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Brunei Darussalam.
- Omar, A. (1992). *The linguistic scenery in Malaysia*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabah State Government. (n.d.). *People & history*. <https://sabah.gov.my/en/content/people-history>
- Sarawak Government. (2010). *Ethnic groups*. <http://www.ictu.tmp.sarawak.gov.my/seg.php?recordID=M0001&sscontent=SSM0050>
- Sihat, D. N. A., Bolhassan, N., & Abd Rahman, N. (2024). Tahap penguasaan kosa kata dialek Melayu tradisional Sarawak dalam kalangan remaja Melayu Universiti Teknologi Sarawak: The level of proficiency in the vocabulary mastery of the traditional Malay dialect of Sarawak among Malay youths at University of Technology Sarawak. *Al-Azkiyaa-International Journal of Language and Education*, 3(1), 98-107. <https://doi.org/10.33102/alazkiyaa80>
- Subakir, M., & Yasin, M. (1998). *Language allegiance and language shift*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Subet, M. F. H., Suhai, D. S. A., Abdullah, N. A. J., & Hassan, S. (2011). Dialek Melayu Sarawak: Kelainan Semantik. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Volume*, 17, 131-145
- Trudgill, P. (2003). *A glossary of sociolinguistics*. Edinburgh University Press.
- Wong, J. K. L. (2012). *Sabah Malay dialect: Phonological differentiation in a social context* [Unpublished Doctoral thesis, Universiti Malaya].
- Yusuff, N. A., & Zakaria, K. (2018). Loghat Kelantan pemangkin jati diri rakyat Kelantan: kelestarian dan pemerkasaannya. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 1(2), 25-39. <http://103.101.244.124/journal/index.php/insaniah/article/view/24>